

157561

4000009055

HADIAH



**HUBUNGAN SALAH LAKU PELAJAR
DAN PENCAPAIAN
MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM
DI SEKOLAH MENENGAH**



**AZIZAH BTE HUSSIN
PS03-006(K)-109**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN
DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
KINABALU**

2005

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : Hubungan Salah Laku Pelajar dan Pencapaian Mata Pelajaran Pendidikan Islam

IJAZAH : Sarjana Pendidikan (Pengurusan Pendidikan)

SESI PENGAJIAN : 2004 - 2006

Saya, AZIZAH HUSSIN mengaku membenarkan tesis sarjana ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. TIDAK TERHAD

Disahkan oleh,

Penulis : AZIZAH HUSSIN
Alamat tetap :

(Tandatangan Pustakawan)

(DR HJH NAIMAH YUSOFF)

Tarikh : 18 MEI 2006

CATATAN : Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan atau Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN

Disertasi bertajuk "Hubungan Salah Laku (Delinkuen) dan Pencapaian Mata Pelajaran Pendidikan Islam" disediakan oleh Azizah Hussin bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh,



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(DR HJH NAIMAH YUSOFF)
Penyelia Disertasi
Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Sabah

Tarikh : 18 Mei 2006

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali
nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap
satunya telah saya jelaskan sumbernya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Azizah Hussin
PS03-006(K)-109
31 November 2005

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Alhamdulillah bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, kajian yang bertajuk “salah laku pelajar dan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam”. Di sekolah menengah ” telah dapat disempurnakan. Penulisan disertasi ini tidak mungkin akan sempurna tanpa bantuan, sumbangan, pertolongan dan kerjasama daripada semua pihak yang telah melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung.

Ucapan penghargaan dan terima kasih saya tujukan khusus kepada penyelia saya Dr Hj Naimah Yusof yang telah banyak memberi bimbingan, pandangan dan saranan daripada awal hingga disertasi ini siap ditulis. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah Sekolah Pendidikan UMS yang telah banyak memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian saya di sini. Ucapan terima kasih juga saya khususkan kepada Dr Vincent Pang kerana sudi memberi komen dan tunjuk ajar dalam membina item soal selidik. Tidak lupa juga kepada Profesor Salleh kerana membantu mengesahkan item yang telah diubahsuai serta membantu dalam memproses data SPSS.

Penghargaan ini juga saya rakamkan untuk (Jabatan –Jabatan dan pengetua-pengetua yang terlibat terutama Pengetua SMK Bandaraya, Encik Abdul Hakim Kassim yang telah memberi kebenaran untuk saya menyambung pelajaran. Seterusnya penghargaan kepada Puan Salmah, Pegawai Pelajaran Gabungan Kota Kinabalu yang bermurah hati membenarkan saya menggunakan maklumat, kemudahan peralatan dan perkhidmatan yang terdapat di Pejabat Gabungan.

Tidak lupa juga saya rakamkan penghargaan ini khusus kepada pakar rujuk dalam masalah disiplin sekolah dan juga pegawai-pegawai lain yang banyak memberi kerjasama dalam menghasilkan disertasi ini seperti pihak-pihak perpustakaan dari universiti-universiti lain seperti UM, UKM, UPM serta Pusat Penyelidikan Putra Jaya. Tidak kurang juga kepada kawan-kawan seperjuangan yang telah menyumbang tenaga, sokongan moral dan idea serta nasihat secara langsung atau tidak langsung.

Akhir sekali, yang paling istimewa penghargaan ini ditujukan kepada suami dan anak-anak yang telah banyak mengorbankan keselesaan hidup selama saya di dalam pengajian, serta ibu dan ayah yang sentiasa mendoakan kejayaan.

ABSTRAK

HUBUNGAN SALAH LAKU (DELINKUEN) PELAJAR DAN PENCAPAIAN MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara salah laku (delinkuen) pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam. Jenis salah laku adalah berdasarkan kepada 8 jenis salah laku yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Instrumen pencapaian adalah berdasarkan keputusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2004. Manakala instrumen salah laku adalah borang soal selidik. Seramai 200 sampel dipilih secara 'rawak bertujuan' iaitu di mana sampel yang dipilih adalah mempunyai rekod salah laku di sekolah masing-masing. Empat buah sekolah kajian telah dipilih terdiri dari dua buah sekolah beraliran agama dan dua buah sekolah beraliran biasa. Ujian alpha cronbach dijalankan untuk menentukan kebolehpercayaan setiap item. Hasilnya semua item mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.9001. Dapatan diproses secara deskriptif dengan menggunakan korelasi pearson dan Ujian-t. Hipotesis nol yang pertama berkaitan hubungan salah laku pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara salah laku pelajar dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam. Penglibatan salah laku pelajar berdasarkan jantina dan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam berdasarkan jantina, kedua-duanya tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan. Salah laku pelajar di sekolah menengah aliran agama dan sekolah menengah aliran biasa mempunyai perbezaan yang signifikan. Begitu juga dengan pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam di kedua-dua jenis sekolah mempunyai perbezaan yang signifikan. Dapatan yang terakhir menunjukkan terdapat perbezaan jenis salah laku yang kerap dilakukan oleh pelajar-pelajar di sekolah menengah beraliran agama dan sekolah menengah beraliran biasa.

ABSTRACT

THE RELATIONSHIP OF STUDENTS' DELINQUENCY AND THEIR ISLAMIC EDUCATION ACHIEVEMENT IN SECONDARY SCHOOL

The main purpose of this study was to examine the relationship between students' delinquency and their Islamic Education achievement. The types of delinquency discussed in this study were based on the eight types of delinquency proclaimed by Ministry Of Education. The instrument of achievement was based on PMR 2004 result where as the survey forms were the instruments for the delinquency. 200 samples were selected using purposive sampling whereby the samples involved were those who had discipline records in their own schools. Four schools which made up of two religious schools and two ordinary schools were chosen. Alpha Cronbach test had been carried out to determine the reliability of each item. The result showed that each item had high reliability of 0.90. The results were analysed descriptively using Pearson Correlation and T-test. The first hypothesis stated that there was no significant correlation between students' delinquency and their achievement in Islamic Education. The results also indicated that the students' delinquency and the students achievement in Islamic Education, both showed that there were no significant difference based on gender. There was a significant difference of delinquency when the religious schools and the ordinary schools were compared. The Islamic Education achievement in both types of schools also showed significant difference. And the last outcome showed that there was difference in term of delinquency categories between religious schools and ordinary schools.

SENARAI SIMBOL

N	Bilangan subjek
r	Nilai korelasi
p	Pekali korelasi
Sig	Nilai signifikan
<	Kurang dari
>	Lebih dari
=	Sama dengan
%	Peratus
Min	Purata
Ho	Hipotesis nol



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK (Bahasa Melayu)	iv
ABSTRAK (Bahasa Inggeris)	v
SIMBOL	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI CARTA	ix
SINGKATAN	x

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang	3
1.3	Pernyataan masalah	7
1.4	Tujuan kajian	11
1.5	Objektif kajian	11
1.6	Kepentingan kajian	12

1.7	Persoalan kajian	13
1.8	Hipotesis	14
1.9	Difinisi operasional	15
1.9.1	Salah laku	15
1.9.2	Pencapaian	16
1.9.3	Pendidikan Islam	16
1.9.4	Aliran	17
1.10	Batasan Kajian	17
1.11	Kesimpulan	18

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Definisi Konsep	19
2.2.1	Salah laku	20
2.2.2	Pencapaian	22
2.2.3	Pendidikan	23
2.2.4	Agama Islam	23
2.2.5	Pendidikan Islam	24
2.2.6	Sekolah Aliran Agama	25
2.3	Teori	26
2.3.1	Teori Structural – Fungsional	26
2.3.2	Teori Psikologi	27
2.3.3	Teori Sosiologi	28
2.3.4	Teori-Teori Ulama Islam	29

2.4	Model	30
2.4.1	Model Determinism Timbal bali	30
2.4.2	Model Psikologi Islam	31
2.5	Kajian-kajian Lepas	32
2.5.1)	Kajian Hubungan Antara Sikap Dengan Pencapaian	33
2.5.2)	Jantina Dalam Masalah Salah Laku Dan Pencapaian	35
2.5.3)	Jenis Salah Laku Yang Masyur Di Kalangan Pelajar	37
2.5.4)	Disiplin dan Tingkah laku adalah komponen dalam Pendidikan Islam	40
2.5.5)	Ancaman Pendidikan Islam (keruntuhan Moral)	41
2.5.6)	Agama, Pendidikan dan Kawalan Sosial	43
2.5.7)	Peranan Agama Dalam Membina Pembangunan Peradaban Manusia	44
2.5.8)	Pergaulan Bebas, Remaja Wajib Kembali kepada Agama	45
2.5.10	Aliran Agama Mendapat Sambutan	45
2.5.11	Perbezaan Aliran Sekolah Membawa Perbezaan Tingkah laku dan Pencapaian	46
2.6	Kerangka Kajian	48
2.7	Rumusan	50

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	51
3.2	Reka Bentuk Kajian	51

3.3	Populasi dan Sampel	52
3.4	Instrumen Kajian	54
3.4.1	Data dan Rekod Disiplin Alat Ukur Untuk Pencapaian	55
3.4.2	Instrumen Untuk Pencapaian	55
3.4.3	Instrumen Salah Laku Soal Selidik	55
3.5	Pengurusan Soal Selidik	58
3.6	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	59
3.7	Kajian Rintis	60
3.8	Laporan Kebolehpercayaan Kajian Sebenar	62
3.9	Skala Pemarkahan	64
3.10	Proses Analisis Data	65
3.10.1	Analisis Korelasi	65
3.10.2	Ujian-t	66
3.11	Aras Signifikan	67
3.12	Rumusan	67

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pendahuluan	68
4.2	Demografi Responden	68
4.2.1	Taburan Respondan Mengikut Sekolah	69
4.2.2	Taburan Respondan Mengikut Jantina	69
4.2.3	Kekerapan Dan Peratus Gred Mata Pelajaran Pendidikan Islam Secara Keseluruhan	70
4.2.4	Peratus Lulus Mata Pelajaran Pendidikan Islam Mengikut Aliran Sekolah	71

4.3	Taburan Min Mengikut Jenis Salah Laku	72
4.4	Dapatan Kajian Berdasarkan Objektif dan Hipotesis	73
4.4.1	Hubungan Antara Salah Laku Dengan Pencapaian Mata Pelajaran Pendidikan Islam.	73
4.4.2	Perbezaan Salah Laku Mengikut Jantina	74
4.4.3	Perbezaan Pencapaian Mata Pelajaran Pendidikan Islam Mengikut Jantina.	75
4.4.4	Perbezaan Salah Laku Pelajar Di SMK Agama dan SMK Harian	76
4.4.5	Perbezaan Pencapaian Mata Pelajaran Pendidikan Islam Di SMK Agama Dan SMK Harian.	78
4.4.6	Perbezaan Jenis Salah Laku Yang Kerap Dilakukan Di SMK Agama Dan SMK Harian.	79

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1	Pendahuluan	83
5.2	Pendekatan Kajian	83
5.3	Dapatan Kajian	84
5.3.1	Hubungan Salah Laku dan Pencapaian	84
5.3.2	Perbezaan Penglibatan Salah Laku Mengikut Jantina	86
5.3.3	Perbezaan Pencapaian Mata Pelajaran Pendidikan Islam Mengikut Jantina	87
5.3.4	Perbezaan Salah Laku Pelajar Mengikut Aliran Sekolah (SMKH dan SMKA)	89
5.3.5	Perbezaan Pencapaian Mata Pelajaran Pendidikan Islam Mengikut Aliran Sekolah (SMKA dan SMKH)	91
5.4	Rumusan	92

5.5	Implikasi dan Cadangan	94
5.5.1	Sistem Pemantauan Yang Berkesan Terhadap Penguatkuasaan Disiplin Dan Kurikulum	95
5.5.2	Menambah Bilangan Kaunselor Dan Kuasa Kepada Guru Disiplin Serta Kerjasama Badan Disiplin Dengan Kaunselor dalam Proses menangani masalah disiplin serta masalah akademik.	96
5.5.3	Mewujudkan Iklim Pembelajaran Yang Menarik	97
5.5.4	Mewujudkan Konsep Sekolah Penyayang Untuk Mengurangkan Salah Laku dan Meningkatkan Pencapaian Akademik	99
5.5.5	Kerjasama Yang Erat Antara Ibu Bapa, Sekolah dan Masyarakat Dalam Proses Mengurangkan Salah laku dan Meningkatkan Pencapaian	99
5.5.6	Peranan Pihak Berkuasa	100
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	101
5.7	Penutup	102

BIBLIOGRAFI

103 – 109

LAMPIRAN

Lampiran A	=	Soal Selidik Sebenar
Lampiran B	=	Soal Selidik Kajian Rintis
Lampiran C	=	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Dari Pusat Penyelidikan Putrajaya
Lampiran D	=	Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Di Sekolah-sekolah Dari Pejabat Pelajaran Gabungan Kota Kinabalu
Lampiran E	=	Analisis Alpha Cronbach Kajian Rintis
Lampiran F	=	Analisis Alpha Cronbach Kajian Sebenar
Lampiran G	=	Analisis Alpha Cronbach Mengikut Jenis Salah Laku
Lampiran H	=	Nilai Min Bagi Setiap Item



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
Jadual 1.1	: Rekod Salah Laku Dan Keputusan PMR 2004 Mengikut Sekolah Kajian	10
Jadual 2.1	: Jenis dan Contoh Salah Laku	38
Jadual 3.1	: Kebolehpercayaan Keseluruhan Dan Mengikut Gagasan	63
Jadual 3.2	: Skala Likert	64
Jadual 3.3	: Kekuatan Hubungan Ujian Korelasi	66
Jadual 4.1	: Taburan Responden Mengikut Sekolah	69
Jadual 4.2	: Taburan Responden Mengikut Jantina	70
Jadual 4.3	: Skor Min Bagi Setiap Jenis Salah Laku	72
Jadual 4.4	: Hubungan Salah Laku dengan Pencapaian Mata Pelajaran Pendidikan Islam	73
Jadual 4.5	: Perbezaan Salah Laku Mengikut Jantina	74
Jadual 4.6	: Perbezaan Min Pencapaian Mata Pelajaran Pendidikan Islam Mengikut Jantina	76

Jadual 4.7	:	Perrbezaan Salah Laku Pelajar Di SMK Agama Dan SMK Harian	76
Jadual 4.8	:	Perbezaan Min Mata Pelajaran Pendidikan Islam Di SMK Agama Dan SMK Harian	78
Jadual 4.9	:	Perbezaan Salah Laku Masa Di SMK Agama dan SMK Harian	79
Jadual 4.10	:	Perbezaan Salah Laku Kekemasan Diri di SMK Agama dan SMK Harian	80
Jadual 4.11	:	Perbezaan Salah Laku Jenayah Di SMK Agama dan SMK Harian	80
Jadual 4.12	:	Perbezaan Salah Laku Kejujuran Di SMK Agama dan SMK Harian	80
Jadual 4.13	:	Perbezaan Salah Laku Kesopanan Di SMK Agama dan SMK Harian	81
Jadual 4.14	:	Perbezaan Salah Ponteng Di SMK Agama dan SMK Harian	81
Jadual 4.15	:	Perbezaan Salah Laku Lucah Di SMK Agama dan SMK Harian	81
Jadual 4.16	:	Perbezaan Salah Kerosakan Di SMK Agama dan SMK Harian	82

SENARAI CARTA PAI

Carta Pai 4.1 :	Peratus Gred Mata Pelajaran Pendidikan Islam	70
-----------------	--	----

SENARAI CARTA BAR

Carta Bar 4.1 :	Peratus Lulus Pendidikan Islam Mengikut Aliran Sekolah	71
Carta Bar 4.2 :	Perbezaan Pencapaian Mata Pelajaran Pendidikan Islam Mengikut Jantina	75
Carta Bar 4.3 :	Perbezaan Gred Pencapaian Mata Pelajaran Pendidikan Islam Di SMK Agama dan SMK Harian	78

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1 :	Kerangka Kajian	48
Rajah 3.1 :	Cara Pemilihan Sampel	54

SINGKATAN

BPG	=	Bahagian Pendidikan Guru
FPI	=	Falsafah Pendidikan Islam
FPN	=	Falsafah Pendidikan Negara
JAIP	=	Jabatan Agama Islam Pahang
JAPIM	=	Jabatan Pendidikan Islam Malaysia
JKKK	=	Jawatan Kuasa Keselamatan Kemajuan Kampung
KBSM	=	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KPM	=	Kementerian Pelajaran Malaysia
MRSM	=	Maktab Rendah Sains Mara
PAFA	=	Perkara Asas Fardhu Ain
PDRM	=	Polis Diraja Malaysia
PEST	=	Politik, Ekonomi, Sosial dan Teknologi
PI	=	Pendidikan Islam
PIBG	=	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PMR	=	Penilaian Menengah Rendah
P&P	=	Pengajaran Dan Pembelajaran
SMK	=	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	=	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SPM	=	Sijil Pelajaran Malaysia

UKM	=	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	=	Universiti Malaya
UMS	=	Iniversiti Malaysia Sabah
UPM	=	Universiti Putra Malaysia
UPSR	=	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
USM	=	Universiti Sains Malaysia



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pelbagai gejala sosial telah melanda masyarakat kita dan aktiviti yang terlibat begitu pelbagai sekali. Sejak akhir-akhir ini, media masa arus perdana banyak mendedahkan keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia. Fenomena dalam kalangan pelajar yang semakin meruncing ini sepatutnya menyedarkan pelbagai pihak terutamanya ibu bapa, masyarakat setempat, pihak keselamatan, Kementerian Pendidikan dan juga pihak sekolah betapa masalah yang melibatkan pelajar sekolah tidak boleh dipandang ringan dan seterusnya beberapa tindakan perlu diambil bagi menyelamatkan generasi pelajar daripada terus bergelumang dalam kancah kehancuran dan keburukan akhlak.

Tindakan ini perlu dipandang serius kerana masalah salah laku pelajar boleh mempengaruhi pencapaian akademik mereka. Kenyataan ini selari dengan kajian oleh Joharah Abdullah (1999) yang mendapati bahawa pelajar yang bersikap negatif menyebabkan pencapaian yang tidak cemerlang. Hujah ini dikuatkan lagi dengan kenyataan Garton & Pratt (1983) bahawa ramai remaja tidak mencapai tahap cemerlang kerana banyak menghabiskan masa untuk

menonton televisyen, wayang, video, membaca majalah hiburan dan bersiar-siar bersama rakan-rakan.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral telah mengariskan Falsafah Pendidikan Islam yang berbunyi:

"Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Quran dan Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat dan alam sekitar dan Negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat"(Sukatan KBSM, 2002, m/s 3).

Falsafah pendidikan Islam (FPI) ini menunjukkan bahawa usaha Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) mendidik pelajar agar taat perintah Allah Taala dan RasulNya, berperibadi mulia serta sentiasa mempunyai sikap dan tanggung jawab memajukan diri dan masyarakat mengikut garis panduan yang telah didasarkan oleh al-Quran dan Sunnah. Pendidikan Islam berusaha melahirkan individu yang soleh, warganegara yang beriman dan individu yang seimbang antara keperluan jasmani dan kesempurnaan rohani. Pernyataan falsafah tersebut membawa maksud proses pendidikan adalah usaha yang berterusan untuk membentuk keperibadian pelajar agar sentiasa beramal dengan ajaran Islam yang berteraskan pengajaran melalui al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. dalam segenap aspek kehidupan.

Namun, perkara yang paling penting dari segalanya ialah pelajar-pelajar mesti kembali kepada pendidikan agama tidak kira bangsa dan agama.

Tingkatkan ilmu pengetahuan dalam semua bidang lebih-lebih lagi bidang agama. Semua agama mengajar manusia ke arah kebaikan, cuma pendekatan yang berbeza. Dengan pengetahuan yang mendalam dan sikap mengambil berat terhadap perkara-perkara dalam agama, pelajar akan dapat mengawal diri mereka dari terlibat dengan masalah salah laku sekaligus dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka.

1.2 Latar Belakang Kajian

Alam remaja adalah alam ketegangan yang amat ketara dan mudah dipengaruhi. Di dunia ini, mereka boleh bertindak mengikut emosi, kemampuan fizikal dan kehendak mental yang dirasakan sebagai alternatif untuk mendapat kepuasan dalam kehidupan mereka. Perkembangan dan perubahan yang berlaku semasa remaja menyebabkan terbentuknya kawasan kognitif yang tidak berstruktur dan menghasilkan ketidakpastian tingkah laku. Mereka cenderung untuk meletakkan diri mereka ke tahap yang radikal dan ekstrim (Twiford, 1980). Masalah salah laku pelajar semakin meruncing dan membimbangkan banyak pihak. Berbagai program dan perancangan telah dilakukan oleh berbagai pihak seperti Kementerian Pelajaran, Pihak Polis, Kementerian Kesihatan, Kementerian Penerangan, dan sebagainya bagi mengatasi masalah ini. Televisyen dan juga akhbar sentiasa melaporkan tentang pelajar-pelajar yang ponteng sekolah, lepak di pusat beli-belah, merokok dan sebagainya. Namun masalah ini bukannya semakin berkurangan bahkan sudah sampai ke tahap merogol, membunuh,

ketagihan dadah, dan sebagainya yang tidak sepatutnya dilakukan oleh mereka yang duduk di bangku sekolah dan masih di bawah umur.

Zulkifli Bakar dalam Utusan Malaysia 4 Ogos 2004 melaporkan pelajar Melayu mencatat jumlah terbesar dalam tangkapan kes jenayah yang melibatkan pelajar sekolah yang dilakukan polis Kuala Lumpur sepanjang tahun 2002 sehingga bulan Mac 2004. Daripada sejumlah 184 tangkapan, sebanyak 145 adalah pelajar Melayu dan empat daripadanya adalah pelajar Melayu perempuan. Perlu diingat, melayu di sini merujuk kepada muslim. Pelajar Cina seramai 23 orang manakala pelajar India seramai 14 orang. Kesemua kes tersebut melibatkan pelajar sekolah berusia antara tujuh tahun sehingga 18 tahun (PEMADAM, 2004). Berdasarkan jumlah tangkapan itu, sebanyak 23 tangkapan melibatkan jenayah kekerasan iaitu lima tangkapan sepanjang tahun 2002 dan 18 tangkapan pada tahun 2003 (PEMADAM, 2004).

Salah laku pelajar seperti yang telah dibincangkan telah mempengaruhi pencapaian akademik termasuklah mata pelajaran Pendidikan Islam. Pada tahun 2002, kelulusan mata pelajaran Pendidikan Islam sebanyak 91.7%, tahun 2003 pula sebanyak 92.6% manakala, 2004 sebanyak 91.7%. Bagi negeri Sabah pula, Kelulusan mata pelajaran Pendidikan Islam adalah sebanyak 88.9% pada tahun 2002, 89.6% bagi tahun 2003 dan 88.7% bagi tahun 2004. Penurunan dan ketidak tentuan peratus kelulusan berlaku dalam tempoh tiga tahun ini (SPIM,2005). Peratus di negeri Sabah ini adalah terendah di Malaysia.